Ma Hoa Trading Co Ltd lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO JA-42(ORS)-1–01 TAHUN 2021 DAN JA-42(ORS)-2–01 TAHUN 2021

ABU BAKAR KATAR H

22 OGOS 2021

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap perintah lucuthakan dan rampasan — Sama ada saman perlu dikeluarkan sebelum prosiding inkuiri dimulakan — Sama ada peruntukan berkaitan saman adalah mandatori — Sama ada hakim bicara telah terkhilaf apabila gagal mengeluarkan saman terhadap perayu — Akta Perihal Dagangan 2011 s 47(6)

Ini adalah dua kes rayuan iaitu Kes 72 dan 73 oleh perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah sesyen yang memutuskan bahawa kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 ('APD') telah dibuktikan dan memerintahkan rokok-rokok yang disimpan dalam 21 kontena dirampas dan dilucuthak kepada pegawai pengawal di bawah s 47(6) Akta itu. Bagi Kes 72, pada 19 Mei 2020, pihak Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ('KPDNHEP') telah menjalankan pemeriksaan di kawasan Bay Pemeriksaan Wisma Kastam, Zon Bebas, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Johor berdasarkan maklumat daripada wakil pemilik cap dagangan berdaftar rokok 'Luffman'. Semasa pemeriksaan dijalankan, pihak KPDNHEP telah menjumpai sepuluh kontena yang mengandungi rokok-rokok yang disyaki menggunakan perihal dagangan palsu 'Luffman' tanpa kebenaran pemilik cap dagangan. Wakil pemilik cap dagangan telah melakukan pemeriksaan awal dan mengesahkan rokok-rokok tersebut menggunakan perihal dagangan palsu 'Luffman'. Susulan daripada itu, Encik Mohd Nassaruddin bin Mokuti, Penolong Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP telah menyita sepuluh kontena yang berisi rokok daripada Prominent Marine Consultants Sdn Bhd iaitu syarikat yang menguruskan sepuluh kontena yang mengandung rokok-rokok tersebut dan telah mengeluarkan akuan penyitaan dan juga membuat laporan polis. Pemeriksaan selanjutnya telah dilakukan dengan Syarikat Pelabuhan Tanjung Pelepas ('PTP') berkaitan dokumen yang membabitkan sepuluh kontena berisi rokok-rokok tersebut. Syarikat PTP telah menyerahkan Bill of Lading ('BL') dan Transhipment Manifest K6 yang menunjukkan bahawa *shipper/consignor* bagi sepuluh kontena yang mengandungi rokok tersebut ialah perayu yang beralamat di Vietnam. Merujuk kepada BL, sepuluh kontena yang berisi rokok-rokok dipunggah masuk di Ho Chi Minh City, Vietnam dan akan dipunggah keluar di Songkhla, Thailand. Pihak KPDNHEP kemudiannya telah membuat

semakan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan mendapati cap dagangan'Luffman' telah didaftarkan di Malaysia sejak 24 Mei 2002 sehingga 24 Mei 2022 di bawah kelas 34 iaitu 'kelas cigarettes, cigars, tobacco dan lain-lain dalam kelas 34' oleh Leadon Tobacco International Pte Ltd dari Singapura. Pihak KPDNHEP turut membuat semakan lanjut melalui laman sesawang ASEAN TM VIEW iaitu platform bagi memudahkan semakan maklumat pendaftaran cap dagangan bagi negara-negara ASEAN. Perayu telah mendaftarkan cap dagangan 'Luffman' di Vietnam tetapi berstatus difailkan. Leadon Tobacco International Pte Ltd melalui satu surat pengesahan telah melantik Tetuan Shearn Delamore & Co bagi menguruskan cap dagang 'Luffman'. Selanjutnya wakil pemilik cap dagangan 'Luffman' telah membuat pemeriksaan dan membuat pengesahan rokok-rokok yang berada dalam sepuluh kontena tidak mempunyai QR Code. Sepanjang siasatan, terdapat tiga pihak yang menyatakan mereka mewakili perayu yang menuntut pelepasan sepuluh kotena yang mengandungi rokok-rokok tersebut. Kertas siasatan telah dirujuk kepada timbalan pendakwa raya KPDNHEP ('TPR') dan arahan TPR ialah tiada tindakan lanjut ('NFA'). Bagi Kes 73, faktanya menyerupai Kes 72 melainkan tarikh dan kuantiti kontena yang berisi rokok mempunyai cap perihal dagangan yang palsu. Bagi Kes 73, sitaan dilakukan oleh Encik Mohd Faizal bin Khazalee, pegawai KPDNHEP pada 28 Mei 2020 membabitkan sebelas kontena yang berisi rokok 'Luffman'. Wakil pemilik cap dagang telah membuat pengesahan rokok-rokok yang disita mempunyai perihal dagangan 'Luffman' yang palsu. Pihak-pihak yang sama telah menuntut barang sebanyak sebelas kontena sebagaimana dalam Kes 72. TPR juga mengesahkan bahawa Kes 73 adalah NFA. Ekoran daripada arahan TPR untuk NFA bagi Kes 72 dan 73, tiada pendakwaan telah dilakukan terhadap perayu atas kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta itu. Sehubungan itu, Kes 72 dan 73 telah dirujuk ke mahkamah selaras dengan peruntukan s 47(6) Akta itu untuk dilucuthak kepada pegawai pengawal jika kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta itu berjaya dibuktikan. Isu yang dibangkitkan dalam rayuan ini adalah sama ada pengeluaran saman yang diperuntukkan di bawah s 47(6) Akta itu adalah wajib.

Diputuskan, membenarkan rayuan setakat mengakaskan perintah lucuthak yang dikeluarkan oleh hakim mahkamah sesyen:

(1) Sebaik Kes 72 dan 73 dirujuk di hadapan hakim mahkamah sesyen ('Tuan HMS'), Tuan HMS mempunyai tugas yang wajib dipatuhi sebagaimana yang ditentukan oleh Parlimen iaitu mengeluarkan saman terlebih dahulu kepada 'orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan' iaitu perayu dan 'orang yang daripadanya barangan itu telah disita' iaitu Prominent Marine Consultants Sdn Bhd. Menurut peruntukan s 47(6) Akta itu, Tuan HMS itu mempunyai tugas yang mandatori untuk mengeluarkan 'saman' kepada pihak-pihak yang dinyatakan terlebih dahulu sebelum memulakan inkuiri perlucutan

21 kontena yang berisi rokok-rokok yang mempunyai perihal dagangan palsu 'Luffman' (lihat perenggan 18 & 23).

(2) Mahkamah telah menghalusi tafsiran 'saman' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu sebagaimana yang ditakrifkan mengikut kamus biasa. Tuan HMS diwajibkan untuk mengeluarkan saman terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang terlibat sebelum memulakan prosiding inkuiri. Memandangkan peruntukan s 47(6) tidak menetapkan bentuk atau format saman yang seharusnya dikeluarkan terlebih dahulu, mahkamah berpendapat Parlimen menyerahkan kepada budi bicara mahkamah untuk memilih bentuk atau format saman bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS boleh secara pentadbiran menyediakan saman dalam bentuk atau format yang difikirkan sesuai (lihat perenggan 30).

(3) Mahkamah berpendapat Tuan HMS terkhilaf apabila mengabaikan peruntukan mandatori berkaitan 'saman' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu dan menggantikan dengan notis permohonan dan afidavit sokongan semata-mata. Mahkamah ini berpendapat peruntukan s 47(6) Akta itu secara jelasnya menyatakan saman hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang terlibat. Tuan HMS tidak boleh membelakangkan peruntukan tersebut dengan mengambil jalan mudah iaitu menggunakan notis permohonan dan afidavit sokongan bagi tujuan inkuiri perlucuthakan 21 kontena yang mengandungi rokok-rokok yang mempunyai perihal dagangan palsu 'Luffman'. Mahkamah berpendapat Tuan HMS mempunyai tugas untuk mengikuti apa yang badan Parlimen gubal dalam sesuatu Akta dan bukannya mengabaikannya begitu sahaja dalam konteks saman bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu (lihat perenggan 39–40).

[English summary

There were two appeal cases namely Cases 72 and 73 by the appellant who was dissatisfied with the decision of the session court which ruled that the offence under s 5(1)(c) of the Trade Descriptions Act 2011 ('the TDA') had been proved and ordered the cigarettes stored in 21 containers were confiscated and forfeited to the controlling officer under s 47(6) of the Act. For Case 72, on 19 May 2020, the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs ('KPDNHEP') conducted an inspection in the area of Wisma Kastam Inspection Bay, Free Zone, Tanjung Pelepas Port, Gelang Patah, Johor based on information from the representative of trademark owner registered of 'Luffman' cigarettes. During the inspection, KPDNHEP found ten containers containing cigarettes suspected of using the fake trade description 'Luffman' without the permission of the trademark owner. Representatives of the trademark owner conducted a preliminary inspection and confirmed that the cigarettes used the fake trade description 'Luffman'. Pursuant to that, Mr Mohd Nassaruddin bin Mokuti, Assistant Enforcement Officer of KPDNHEP

confiscated ten containers containing cigarettes from Prominent Marine Consultants Sdn Bhd, the company that managed ten containers containing the cigarettes and issued a seizure statement and also lodged a police report. Further inspections were carried out with the Tanjung Pelepas Port Company ('PTP') regarding documents involving ten containers containing the cigarettes. PTP has submitted Bill of Lading ('BL') and Transhipment Manifest K6 which showed that the shipper/consignor of the ten containers containing the cigarettes was the appellant with address in Vietnam. According to the BL, ten containers containing cigarettes were unloaded in Ho Chi Minh City, Vietnam and will be unloaded out in Songkhla, Thailand. KPDNHEP then checked with the Intellectual Property of Corporation of Malaysia and found that the trademark 'Luffman' had been registered in Malaysia from 24 May 2002 to 24 May 2022 under class 34, namely 'class of cigarettes, cigars, tobacco and others in class 34' by Leadon Tobacco International Pte Ltd of Singapore. KPDNHEP made further inspection through the ASEAN TM VIEW website, which was a platform to facilitate the review of trademark registration information for ASEAN countries. The appellant had registered the trademark 'Luffman' in Vietnam but the status remained as filed. Leadon Tobacco International Pte Ltd via a letter of confirmation appointed Messrs Shearn Delamore & Co to manage the 'Luffman' trademark. Furthermore, the representative of the trademark owner of 'Luffman' made an inspection and confirmed that the cigarettes that were in the ten containers did not have QR codes. Throughout the investigation, there were three parties who stated they represented the appellant whom demanded the release of ten containers containing the cigarettes. The investigation paper was referred to the deputy public prosecutor of KPDNHEP ('DPP') and the DPP's instruction was no further action ('NFA'). For Case 73, the facts were similar to Case 72 except for the date and quantity of the container containing the cigarettes with false trade description stamp. For Case 73, the seizure was done by Mr Mohd Faizal bin Khazalee, KPDNHEP officer on 28 May 2020 involving eleven containers containing 'Luffman' cigarettes. Representatives of the trademark owner have made a confirmation that the seized cigarettes had a fake 'Luffman' trade description. The same parties made similar claim to Case 72 to the eleven containers of goods. The DPP also confirmed that Case 73 was an NFA. Following the DPP's direction to NFA for Cases 72 and 73, no prosecution was made against the appellant for offences under s 5(1)(c) of the Act. Accordingly, Cases 72 and 73 have been referred to court in accordance with the provisions of s 47(6) of the Act, to be forfeited to the controlling officer if the offence under s 5(1)(c) of the Act was successfully proved. The issue raised in this appeal was whether the issuance of the summons provided for under s 47(6) of the Act was compulsory.

Held, allowing the appeal to the extent of reversing the sessions court forfeiture order:

(1) As soon as Cases 72 and 73 were referred before a session court judge ('SCJ'), the SCJ has the duty to be complied with as determined by Parliament which was to issue a summons in advance to 'the person asserting that he was the owner of the goods' ie appellant and 'the person from whom the goods were seized' namely Prominent Marine Consultants Sdn Bhd. Pursuant to the provisions of s 47(6) of the Act, the SCJ has the mandatory duty to issue a 'summons' to the specified parties before commencing the inquiry stripping of twenty one containers containing cigarettes bearing the false trade description 'Luffman' (see paras 18 & 23).

(2) The court has refined the interpretation of 'summons' for the purposes of the provisions of s 47(6) of the Act as defined in the ordinary dictionary. The SCJ was obliged to issue a summons in advance to the parties involved before commencing the inquiry proceedings. As provision of s 47(6) did not prescribe the form or format of a summons that should be issued, the court was of the view that Parliament left it to the discretion of the court to choose the form or format of the summons for the purposes of the provisions of s 47(6) of the Act. This court was of the opinion that the SCJ may administratively prepare the summons in such form or format as he thinks fit (see para 30).

(3) The court was of the opinion that the SCJ erred in disregarding the mandatory provisions relating to 'summons' for the purposes of the provisions of s 47(6) of the Act and substituting them with only a notice of application and supporting affidavit. This court was of the view that the provision of s 47(6) of the Act clearly stated that a summons must be issued first to the parties involved. The SCJ cannot circumvent the provision by taking the easy route of using the notice of application and supporting affidavit for the purpose of inquiring into the forfeiture of 21 containers containing cigarettes bearing the false trade description 'Luffman'. The court was of the view that the SCJ has a duty to follow what the body of Parliament enacted in an Act and not to simply ignore it in the context of a suit for the purposes of the provisions of s 47(6) of the Act (see paras 39–40).]

Kes-kes yang dirujuk

Courts Mammoth Bhd v Subramaniam a/l Paramasivam [2007] 4 MLJ 544; [2007] 3 CLJ 59, MT (dibeza)

Krishnadas a/l Achutan Nair & Ors v Maniyam a/l Samykano [1997] 1 MLJ 94; [1997] 1 CLJ 636, MP (dirujuk)

PP v Tan Tatt Eek & other appeals [2005] 2 MLJ 685; [2005] 1 CLJ 713, MP (dirujuk)

PP v Yap Min Woie [1996] 1 MLJ 169; [1995] 4 CLJ 692, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 s 32(3)
Akta Kastam 1967 s 128(4)
Akta Mahkamah Juvana 1947 ss 12, 28
Akta Perihal Dagangan 2011 ss 2, 5(1)(c), 47(3), (5), (6)
Kanun Tatacara Jenayah s 34, 34(1), Jadual Kedua, Borang 1
Kanun Keseksaan s 392
Peraturan-Peraturan Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) (Borang-Borang) 1989 Borang 22A

PS Segaran (PS Segaran & Co) bagi pihak perayu.
Atiqah Abdul Karim @ Husaini (Timbalan Pendakwa Raya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) bagi pihak responden.

Abu Bakar H:

PENGENALAN

[1] Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna ('KPDNHEP') telah memfailkan notis permohonan dan afidavit sokongan (rekod rayuan) (RR) (Jld 1(a)) (ms 4–11) bagi Permohonan Jenayah JA-64–72–08 Tahun 2020 ('Kes 72') dan notis permohonan dan afidavit sokongan (RR) (Jld 1(a)) (ms 4–12) bagi Permohonan Jenayah No JA-64–73–08 Tahun 2020 ('Kes 73') di bawah s 47(5) Akta Perihal Dagangan 2011 ('Akta itu') di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru.

[2] Bagi Kes 72 ia melibatkan sitaaan rokok-rokok yang menggunakan perihal dagangan palsu 'Luffman' pada 19 Mei 2020 yang disimpan dalam sepuluh kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas ('PTP'), Johor. Sebaliknya bagi Kes 73, ia melibatkan sitaan barangan yang sama ia rokok 'Luffman' pada 28 Mei 2020 yang disimpan dalam 11 kontena di PTP.

[3] Kes 72 dan Kes 73 difailkan oleh KPDNHEP sebaik Timbalan Pendakwa Raya memaklumkan tiada apa-apa pendakwaan berkaitan sitaan yang dilakukan pada 19 Mei 2020 dan 28 Mei 2020 selaras dengan peruntukan s 47(3) Akta itu. Pihak-pihak tidak mempertikaikan pihak pemilik barangan telah mengemukakan notis tuntutan kepada KPDNHEP dalam tempoh masa yang dibenarkan iaitu dalam masa sebulan daripada tarikh sitaan yang melibatkan 21 kontena berisi rokok-rokok yang mengunakan perihal dagangan palsu.

[4] Pendengaran Kes 72 dan Kes 73 telah dijalankan secara bersama di hadapan tuan hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor Darul Takzim ('Tuan HMS itu'). Di akhir pendengaran, Tuan HMS itu telah memutuskan

kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta itu telah dibuktikan dan memerintahkan rokok-rokok yang disimpan dalam 21 kontena di rampas dan dilucuthak kepada pegawai pengawal di bawah s 47(6) Akta itu.

[5] Ma Hoa Trading Co Ltd ('perayu') yang terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Johor Bahru. Rayuan telah didaftarkan sebagai Rayuan Jenayah No JA-42(ORS)-1–01 Tahun 2021 dan Rayuan Jenayah No JA-42(ORS)-2–01 Tahun 2021.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[6] Bagi Kes 72, pada 19 Mei 2020 jam lebih kurang 3.30 petang, atas maklumat daripada wakil pemilik cap dagangan berdaftar rokok 'Luffman', pihak KPDNHEP telah menjalankan pemeriksaan di kawasan Bay Pemeriksaan Wisma Kastam, Zon Bebas, Pelabuhan Tanjung Pelepas, 81560 Gelang Patah, Johor. Semasa pemeriksaan dijalankan menjumpai sepuluh kontena yang mengandungi rokok-rokok yang disyaki menggunakan perihal dagangan palsu 'Luffman' tanpa kebenaran pemilik cap dagangan. Pada tarikh yang sama iaitu 19 Mei 2020, wakil pemilik cap dagangan telah melakukan pemeriksaan awal dan mengesahkan rokok-rokok tersebut menggunakan perihal dagangan palsu 'Luffman'. Susulan daripada itu Encik Mohd Nassaruddin bin Mokuti, Penolong Pegawai Penguatkuasa, KPDNHEP (Gred KP29) telah menyita sepuluh kontena yang berisi rokok daripada Prominent Marine Consultants Sdn Bhd iaitu syarikat yang menguruskan sepuluh kontena yang mengandung rokok-rokok tersebut. Akuan Penyitaan (eksh 'FR1') telah dikeluarkan oleh Encik Mohd Nasaruddin bin Mokuti. Encik Mohd Nasaruddin bin Mokuti turut membuat laporan polis sebagaimana Tanjung Kupang Report No 001604/2020 bertarikh 20 Mei 2020 (eksh 'FR2').

[7] Pemeriksaan selanjutnya telah dilakukan dengan Syarikat PTP berkaitan dokumen yang membabitkan sepuluh kontena berisi rokok-rokok tersebut. Syarikat PTP telah menyerahkan 'Bill of Lading' ('BL') dan Transhipment Manifest K6 ('K6'). Berdasarkan BL dan K6, ia menunjukkan *shipper/consignor* bagi sepuluh kontena yang mengandungi rokok ialah Ma Hoa Trading Co Ltd yang beralamat di 118, Lo Sieu Street, Ward 12, District 11, Ho Chi Minh City, Vietnam. Sesalinan BL dan K6 ada dizahirkan sebagaimana eksh 'FR3' dan 'FR4'.

[8] Merujuk BL, sepuluh kontena yang berisi rokok-rokok dipunggah masuk di Ho Chi Minh City, Vietnam dan akan dipunggah keluar di Songkhla, Thailand.

[9] Pihak KPDNHEP telah membuat semakan dengan Perbadanan Harta

Intelek Malaysia (MyIPO) dan mendapati cap dagangan 'Luffman' telah didaftarkan di Malaysia sejak 24 Mei 2002 sehingga 24 Mei 2022 di bawah Kelas 34 iaitu 'kelas *cigarettes, cigars, tobacco* dan lain-lain dalam kelas 34' oleh Leadon Tobacco International Pte Ltd dari Singapura. Sesalinan pendaftaran cap dagangan sebagaimana eksh 'FR5'.

[10] KPDNHEP turut membuat semakan lanjut melalui laman sesawang ASEAN TM VIEW iatu platform bagi memudahkan semakan maklumat pendaftaran cap dagangan bagi negara-negara ASEAN. Ma Hoa Trading Co Ltd telah mendaftarkan cap dagangan 'Luffman' di Vietnam tetapi berstatus 'Filed'. Semakan ini ada dizahirkan dalam eksh 'FR6'.

[11] Leadon Tobacco International Pte Ltd melalui 'LETTER OF AUTHORIZATION' telah melantik Tetuan Shearn Delamore & Co bagi uruskan cap dagang 'Luffman'. Selanjutnya wakil pemilik cap dagangan 'Luffman' telah membuat pemeriksaan dan membuat pengesahan rokok-rokok yang berada dalam sepuluh kontena tidak mempunyai QR code. Sebaliknya bagi rokok-rokok yang asli ia mempunyai QR code disamping terdapat perbezaan fizikal sebagaimana yang diperincikan dalam *Verification Report* yang disediakan oleh Harry Tommy Tanadi sebagaimana eksh 'FR8'.

[12] Sepanjang siasatan, terdapat tiga pihak yang menyatakan mereka mewakili Ma Hoa Trading Co Ltd menuntut pelepasan sepuluh kotena yang mengandungi rokok-rokok tersebut. Surat-surat tuntutan sebagaimana eksh 'FR9' bertarikh 31 Mei 2020 oleh Chuah Seong Khoon, surat-surat bertarikh 6 Jun 2020, 15 Jun 2020 dan 23 Jun 2020 daripada Ahmad Khir bin Khairuddin daripada Tetuan Sharmin, Khir & Co sebagaimana eksh 'FR10' hingga 'FR13'. Akhir sekali surat bertarikh 21 Julai 2020 daripada Tetuan PS Segaran & Co sebagaimana eksh 'FR14'.

[13] Kertas siasatan telah dirujuk ke timbalan pendakwa raya, KPDNHEP dan arahan TPR ialah 'No Further Action' ('NFA').

[14] Bagi Kes 73, faktanya menyerupai Kes 72 melainkan tarikh dan kuantiti kontena yang berisi rokok mempunyai cap perihal dagangan yang palsu disita. Bagi Kes 73 sitaan dilakukan oleh pegawai KPDNHEP (Encik Mohd Faizal bin Khazalee) pada 28 Mei 2020 membabitkan 11 kontena yang berisi rokok 'Luffman'. Dokumen-dokumen BL dan K6 yang sama sebagaimana Kes 72. Wakil pemilik cap dagang telah membuat pengesahan rokok-rokok yang disita mempunyai perihal dagangan yang palsu 'Luffman'. Pihak-pihak yang sama menuntut barangan dalam 11 kontena sebagaimana dalam Kes 72. TPR juga mengesahkan kes NFA.

[15] Ekoran daripada arahan TPR untuk NFA, bagi Kes 72 dan Kes 73 tiada

pendakwaaan dilakukan terhadap Ma Hoa Trading Co Ltd atas kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta itu. Sehubungan itu Kes 72 dan Kes 73 dirujuk ke mahkamah selaras dengan peruntukan s 47(6) Akta itu untuk dilucuthak kepada pegawai pengawal jika kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta itu berjaya dibuktikan.

MERIT RAYUAN PERAYU

[16] Sebelum mahkamah ini meneliti merit rayuan perayu, eloklah diperturunkan peruntukan yang berkaitan Kes 72 dan Kes 73 iaitu permohonan KPDNHEP di bawah s 47(6) Akta itu. Peruntukan s 47(6) Akta itu berbunyi seperti berikut:

> (6) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujukkan hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan itu dan orang yang daripadanya barangan itu telah disita supaya hadir di hadapannya dan apabila dia hadir atau tidak hadir, selepas dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barangan itu ialah hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah memerintahkan supaya barangan itu dilucuthakkan atau boleh, jika tidak dibuktikan sedemikian, memerintahkan supaya barangan itu dilepaskan.

[17] Mahkamah ini berpendapat sebelum Kes 72 dan Kes 73 diteruskan oleh Tuan HMS itu, peruntukan s 47(6) Akta itu dengan jelas memperuntukkan 'Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujukkan *hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan itu dan orang yang daripadanya barangan itu telah disita supaya hadir di hadapannya*'.

[18] Mahkamah ini berpendapat sebaik Kes 72 dan Kes 73 dirujuk di hadapan Tuan HMS itu, Tuan HMS itu mempunyai tugas yang wajib dipatuhi sebagaimana yang ditentukan oleh Parlimen iaitu mengeluarkan 'saman' terlebih dahulu kepada 'orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan' iaitu Ma Hoa Trading Co Ltd dan 'orang yang daripadanya barangan itu telah disita' iaitu Prominent Marine Consultants Sdn Bhd.

[19] Mahkamah ini merujuk peruntukan s 47(6) Akta itu mengunakan perkataan 'hendaklah' dan dalam Teks Bahasa Inggeris 'shall'. Mahkamah ini merujuk nas-duluan ada merungkai perkataan 'hendaklah' atau 'shall' yang membawa maksud mandatori. Mahkamah ini merujuk kes *Public Prosecutor v Yap Min Woie* [1996] 1 MLJ 169; [1995] 4 CLJ 692 di mana Mahkamah Persekutuan ada menggarap frasa 'shall' bagi maksud peruntukan s 12 Akta Mahkamah Juvana 1947 ('Akta 1947') dan s 28 Akta 1947. Sedikit fakta kes,

perayu telah dituduh di bawah s 392 Kanun Keseksaan. Perayu telah dibicarakan di Mahkamah Juvana, Johor Bahru dan di akhir perbicaraan penemuan bersalah direkodkan. Perayu diarahkan ditahan di Sekolah Pemulihan untuk tempoh tiga tahun di bawah s 28 Akta 1947. Responden telah merayu perintah tersebut dan Mahkamah Tinggi telah mengurangkan tempoh tahanan kepada satu tahun. Timbalan pendakwa raya yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi telah memperolehi kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan. Persoalan undang-undang yang dikemukakan ialah:

> Whether, in view of s 28 of the Juvenile Courts Act 1947, is it right in law for the learned Judge to reduce the period of detention of juvenile in the approved school as ordered by the Juvenile Court under s 12(1)(f) of the Act from a period of three years to one year?

[20] Mahkamah Persekutuan telah merungkai perkataan 'shall' dalam s 28 Akta 1947 yang menetapkan tempoh tiga tahun sebagai mandatori atau direktori.

[21] YA Mohamed Dzaiddin bin Abdullah HMP (pada ketika itu) dalam penghakimannya ada menghuraikan sama ada perkataan 'shall' yang wujud dalam s 12 dan s 28 Akta 1947 bermaksud mandatori atau direktori. YA hakim dalam penghakimannya menyatakan:

> Next, we have to consider whether the word 'shall' as appearing in s 12 and 28 respectively is to be construed as mandatory or directory. It is clear to us that where a Court or tribunal is given in terms a power to exercise a certain jurisdiction, this may be construed as imposing a mandatory duty to act (*Bennion's Statutory Interpretation* (2nd Ed p 31).
>
> A question may be asked: How does the Court distinguish between mandatory and directory duties? The answer is given by Lord Campbell in *Liverpool Borough Bank v Turner* [1861] 30 LJ Ch 379 at p 380:
>
> > No universal rule can be laid down ... It is the duty of the Courts of Justice to try to get at the real intention of the legislature by carefully attending to the whole scope of the statute to be construed.
>
> In *Howard v Bodington* [1877] 2 PD 203 which was followed by the Federal Court in *Pow Hing & Anor v Registrar of Titles, Malacca* [1981] 1 MLJ 155 Lord Penzance stated at p 211:
>
> > I believe, as far as any rule is concerned, you cannot safely go further than that in each case you must look to the subject-matter, consider the importance of the provision and the relation of that provision to the general object intended to be secured by the Act, and upon a review of the case in that aspect decide whether the enactment is what is called imperative or only directory.

[22] YA hakim yang sama di akhir penghakimannya merumuskan perkataan

'shall' bagi maksud s 12 Akta 1947 dan s 28 Akta 1947 sebagai mandatori iaitu tempoh tiga tahun yang diperintahkan oleh Mahkamah Juvana tidak boleh dikurangkan oleh Mahkamah Tinggi. Kuasa untuk pengurangan terletak atas budi bicara Lembaga Pelawat bagi sekolah yang terlibat. YA hakim menyatakan seperti berikut:

> Thus, our answer to the above question is that, having regard to the powers of the Juvenile Court under the Act and the powers of the Juvenile Court conferred on the High Court under s 40 of the Act, and particularly to the scope of s 28 and proviso (a) thereto pertaining to the discretion given by the legislature to the Board of Visitors, it is our conclusion that the word 'shall' means mandatory and therefore under s 28, the order of detention of three years made by the Juvenile Court is mandatory which cannot be varied by the appellate court. It is only the Board of Visitors of the said approved school who has the discretion to shorten the period.

[23] Berbalik kepada perkataan 'hendaklah' atau 'shall' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu, mahkamah ini merujuk prinsip yang diputuskan dalam kes *Yap Min Woie*, Tuan HMS itu mempunyai tugas yang mandatori untuk mengeluarkan 'saman' kepada pihak-pihak yang dinyatakan terlebih dahulu sebelum memulakan inkuiri perlucutan 21 kontena yang berisi rokok-rokok yang mempunyai perihal dagangan palsu 'Luffman'.

[24] Mahkamah ini merujuk peruntukan Akta-Akta yang lainnya hampir menyamai s 47(6) Akta itu melibatkan lucuthak sekiranya tiada pendakwaan. Mahkamah ini merujuk peruntukan s 128(4) Akta Kastam 1967 ('Akta 1967') yang berbunyi seperti berikut:

> (4) *The Magistrate of the First Class shall issue a summons requiring the person asserting that he is the owner of the goods or the proceeds of sale of such goods, and the person from whom the goods were seized,* to appear before him, and upon their appearance or default to appear, due service of such summons being proved, the Magistrate of the First Class shall proceed to the examination of the matter, and upon proof that an offence against this Act or any regulations made thereunder has been committed and that such goods were the subject matter, or were used in the commission, of such offence, shall order such goods or the proceeds of sale of such goods or the amount secured under paragraph 115(1)(a) or (b), as the case may be, to be forfeited, or in the absence of such proof, may order the release of such goods or the proceeds of sale of such goods or the security furnished under paragraph 115(1)(a) or (b), as the case may be.

[25] Sebagai rujukan, mahkamah ini turut merujuk peruntukan s 32(3) Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 ('Akta 1988') yang berbunyi seperti berikut:

> (3) *Mahkamah Sesyen yang kepadanya suatu tuntutan dirujuk di bawah subseksyen (2) hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menuntut bahawa dia berhak ke atas harta itu menurut undang-undang, dan orang yang daripadanya harta*

itu disita, jika dia dan tempat dia berada diketahui, hadir di hadapan mahkamah itu, dan apabila mereka hadir, atau jika mereka ingkar hadir setelah penyampaian sempurna saman itu dibuktikan, Mahkamah Sesyen itu hendaklah terus memeriksa perkara itu dan jika berpuas hati bahawa tiada kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dilakukan berkenaan dengan harta yang dituntut itu dan bahawa harta itu bukannya harta yang menyalahi undang-undang, hendaklah memerintahkan supaya harta itu dilepaskan kepada orang yang menuntutnya itu setelah dibuktikan bahawa dia berhak ke atasnya menurut undang-undang, dan hendaklah, dalam apa-apa hal lain, memerintahkan supaya harta itu dilucuthakkan.

[26] Mahkamah ini berpendapat prosedur yang sama telah diperuntukkan di bawah s 128(4) Akta 1967 dan s 32(3) Akta 1988, sebelum inkuiri dimulakan kedua-dua Akta menggunakan perkataan 'hendaklah' atau 'shall' agar mahkamah majistret kelas pertama atau mahkamah sesyen mengeluarkan 'saman' terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang dinyatakan.

[27] Berbalik kepada peruntukan s 47(6) Akta itu, perkataan 'saman' tidak diberi takrifan di bawah s 2 Akta itu. Sehubungan itu perkataan 'saman' perlu dirujuk mengikut perkataan dalam kamus biasa. Mahkamah ini merujuk *Black's Law Dictionary* (7th Ed, Bryan A Garner, West Group, St Paul, Minn, 1999) di ms 1450 ada menyatakan:

summons, vb. 1.SUMMON 2. To request (information) by summons

[28] Mahkamah ini seterusnya merujuk *Words, Phrases & Maxim, Legally & Judicially Defined* (Vol 13, Anandan Krishnan, Lexis Nexis) di ms 989 ada menyatakan:

SUMMONS

Process issued by a court requiring a person to appear at a particular court at a particular time and place, either to give evidence or produced documents (for example (NSW) Justices Act s 26) or to attend to answer a charge, information or complaint (for example (NSW) Justices Act 1902 ss 24, 60; Act 1989 s 28). The purpose of a summons ia to notify the defendant of the proceedings so that he or she may answer the charge: *Plenty v Dillon* (1991) 171 CLR 635 at 644; 98 ALR 353. The discretion to issue a summons must be exercised judicially, the justice is not bound to issue one but he or she must not arbitrarily refuse to do so: *Ex Parte Qantas Airways Ltd; Re Horsington* (1969) 71 SR NSW 291; *Electronic Rentals Pty Ltd v Anderson* (1971) 124 CLR 27 at 39; (1971) ALR 513.

[29] Mahkamah ini turut merujuk *Jowitt's Dictionary of English Law* (2nd Ed, John Burke, Vol 2, London, Sweet & Maxwell Ltd, 1977) di ms 1721 menyatakan:

Summons [Law Lat. Summoneas, that you summon], a call of authority, an

admonition to appear in court, a citation.

A summons is a document issued from the office of a court of justice, calling upon the person to whom it is directed to attend before a judge or officer of the court for a certain purpose.

[30] Mahkamah ini telah menghalusi tafsiran 'saman' (*summons*) bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu sebagaimana yang ditakrifkan mengikut kamus biasa. Tuan HMS itu diwajibkan untuk mengeluarkan 'saman' terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang terlibat sebelum memulakan prosiding inkuiri. Memandangkan peruntukan s 47(6) tidak menetapkan bentuk atau format 'saman' yang seharusnya dikeluarkan terlebih dahulu. Mahkamah ini berpendapat Parlimen menyerahkan kepada budi bicara mahkamah untuk memilih bentuk atau format 'saman' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu boleh secara pentadbiran menyediakan 'saman' dalam bentuk atau format yang difikirkan sesuai dengan 'tujuan memberitahu pihak-pihak untuk hadir di hadapan Mahkamah bagi tujuan pemeriksaan perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barangan itu ialah hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah memerintahkan supaya barangan itu dilucuthakkan atau boleh, jika tidak dibuktikan sedemikian, memerintahkan supaya barangan itu dilepaskan'.

[31] Sebagai perbandingan mengikut s 32(3) Akta 1988, 'saman' ada ditetapkan dalam Borang 22A mengikut Peraturan-Peraturan Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) (Borang-Borang) 1989 (PU(A) 475/1989). Sebelum inkuiri di bawah s 32(3) Akta 1988 dimulakan, mahkamah sesyen akan mengeluarkan 'saman' dalam Borang 22A terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang berkaitan.

[32] Sebaliknya bagi s 128(4) Akta 1967, 'saman' tidak ditetapkan bentuk atau formatnya menyamai peruntukan s 47(6) Akta itu.

[33] Mahkamah ini berkesempatan meneliti nota keterangan di hadapan Tuan HMS itu sebelum perbicaraan dimulakan ada menyentuh berkaitan prosedur di bawah s 47(6) Akta itu. Mahkamah ini merujuk nota keterangan bertarikh 22 September 2020 peguam perayu ada memaklumkan keperluan 'saman' dipatuhi. Peguam memohon deponen iaitu bagi Kes 72 (Encik Mohd Faizal bin Ab Rahim) dan bagi Kes 73 (Lizawati bt Punirin) dipanggil untuk disoal balas oleh perayu.

[34] Mahkamah ini merujuk nota keterangan (rekod rayuan) (Jld 2) (ms 3) ada menyatakan:

Peguambela:

Ini merupakan satu *criminal prosiding* di bawah S.47 *Trade and Distribution (Descreption) Act* 2011 iaitu 47(1), (4), (5) and (6) dan jelas nyatakan prosiding ini adalah melalui satu saman. Walaubagaimana pun pihak pemohon yang seharusnya adalah pihak pengadu disini memfailkan affidavit so, pihak kami minta deponen-deponen itu hadir di mahkamah untuk di *cross. Making oral applicate(application) to the court. We missed to cross the deponent* dan responden merupakan *foreign-foreign company based to the Vietnam*.

[35] Di peringkat ini peguam perayu yang terpelajar telah menarik perhatian Tuan HMS itu kepada keperluan 'saman' bagi maksud s 47(6) Akta itu perlu dikeluarkan. TPR seharusnya memanggil saksi-saksi dan bukannya bergantung kepada afidavit sokongan semata-mata bagi membuktikan kesalahan s 5(1)(c) Akta itu dibuktikan. Tuan HMS itu seolah-olah tidak menghiraukan isu 'saman' yang dibangkitkan oleh peguam perayu yang terpelajar. Sebaliknya Tuan HMS itu beranggapan prosiding bagi maksud s 47(6) Akta itu diteruskan bergantung kepada afidavit sokongan semata-mata tanpa perlu memanggil saksi-saksi untuk membuktikan kesalahan s 5(1)(c) Akta itu.

[36] Minda Tuan HMS itu secara jelasnya mengabaikan keperluan mandatori 'saman' dikeluarkan terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang terlibat bagi maksud s 47(6) Akta itu. Tuan HMS itu akan meneruskan berpandukan kepada afidavit sokongan dan meminta perayu memfailkan afidavit jawapan. Mahkamah ini merujuk nota keterangan (RR) (Jld 2) (ms 4) yang mencatatkan:

Mahkamah:

2 weeks to reply affidavit

6.10.2020 (affidavit reply)

19.10.2020 (reply to affidavit reply)

10.11.2020 (hearing)

Tt. Xxxxxxx

[37] Mahkamah ini meneliti alasan penghakiman yang disediakan oleh Tuan HMS itu, (RR) (Jld 1(c)) (ms 505–519), nampaknya Tuan HMS itu berpandangan tiada keperluan mengeluarkan 'saman' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu. Beliau berpuas hati memadai dengan menyerahkan notis permohonan dan afidavit sokongan bagi Kes 72 dan Kes 73 mengantikan 'saman'. Tuan HMS itu merujuk peruntukan s 34 hingga s 37 KTJ peruntukan saman bagi maksud saman di bawah KTJ. Beliau dalam penghakimannya di perenggan 12 menyatakan:

12. Serahan saman bagi permohonan jenayah khususnya bagi permohonan ini adalah mengikut s 47(6) APD 2011 dan dibaca bersama s 34–s 37 KTJ.

[38] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu tidak boleh menyamakan 'saman' bagi maksud s 47(6) Akta itu menyamai saman bagi maksud peruntukan s 34 KTJ. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 34(1) KTJ yang berbunyi seperti berikut:

(1) Every summons to appear issued by a Court under this Code shall be in writing and signed as provided by the Courts of Judicature Act 1964 [Act 91], or the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], and shall bear the seal of the Court.

[39] Mahkamah ini merujuk 'saman' bagi maksud peruntukan s 34 KTJ ada dinyatakan dalam Borang 1 Jadual Kedua kepada KTJ. Sehubungan itu mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf apabila mengabaikan peruntukan mandatori berkaitan 'saman' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu dan mengantikan dengan notis permohonan dan afidavit sokongan semata-mata. Mahkamah ini berpendapat peruntukan s 47(6) Akta itu secara jelasnya menyatakan 'saman' hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang terlibat. Tuan HMS itu tidak boleh membelakangkan peruntukan tersebut dengan mengambil jalan mudah iaitu menggunakan notis permohonan dan afidavit sokongan bagi tujuan inkuiri perlucuthakan 21 kontena yang mengandungi rokok-rokok yang mempunyai perihal dagangan palsu 'Luffman'.

[40] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu mempunyai tugas untuk mengikuti apa yang Badan Parlimen gubal dalam sesuatu Akta dan bukannya mengabaikannya begitu sahaja dalam konteks 'saman' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu.

[41] Mahkamah ini merujuk kes *Krishnadas a/l Achutan Nair & Ors v Maniyam a/l Samykano* [1997] 1 MLJ 94; [1997] 1 CLJ 636 di mana YA Gopal Sri Ram HMR (bersidang sebagai hakim Mahkamah Persekutuan) ada menukilkan pandangannya:

[3] Parliament does not legislate in vain by the use of meaningless words and phrases, and prima facie every word appearing in an Act must bear some meaning. A judicial interpreter is therefore not entitled to disregard words used in a statute or treat them as superflous or insignificant.

[42] Mahkamah turut merujuk kes *Public Prosecutor v Tan Tatt Eek & other appeals* [2005] 2 MLJ 685; [2005] 1 CLJ 713 di mana YAA Steve Shim HB (Sabah dan Sarawak) ada menyatakan:

[1] The primary duty of the court is to give effect to the intention of the Legislature in the words used by it. It is a well established canon of interpretation that the intent

> of the legislature is to be gathered from the words used and that if the words used have not acquired any technical meaning, they should be deemed to have been used in their ordinary meaning. If the words of the statute are in themselves precise and unambiguous, then no more is necessary than to expound those words in their natural and ordinary sense. The words themselves alone in such cases best declare the intent of the law giver. (p747e-f)

[43] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Krishnadas a/l Achutan Nair & Ors v Maniyam a/l Samykano* dan *Tan Tatt Eek & other appeals*, mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu telah gagal mematuhi peruntukan s 47(6) Akta itu apabila tidak mengeluarkan 'saman' terlebih dahulu kepada pihak-pihak yang berkaitan dan meneruskan inkuiri berpandukan notis permohonan dan afidavit sokongan semata-mata. Mahkamah ini berpendapat tindakan peguam perayu yang terpelajar tidak memfailkan apa-apa afidavit jawapan tidak boleh digunakan suatu alasan sebagaimana dalam konteks kes-kes yang berpandukan keterangan afidavit semata-mata.

[44] Mahkamah ini berpendapat peguam perayu yang terpelajar mengambil pendirian sebegitu apabila menyedari Tuan HMS itu tidak mengeluarkan 'saman' terlebih dahulu bagi maksud s 47(6) Akta itu. Mahkamah ini telah pun menyentuh keperluan mandatori 'saman' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu di awal penghakiman ini.

[45] Tuan HMS itu telah merujuk kes *Courts Mammoth Bhd v Subramaniam a/l Paramasivam* [2007] 4 MLJ 544; [2007] 3 CLJ 59 dalam penghakimannya. Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Courts Mammoth Bhd* ia melibatkan notis permohonan oleh plaintif untuk melanjutkan tempoh masa memfailkan afidavit jawapan. Dalam kes *Courts Mammoth Bhd* ia merupakan permohonan interlokutori sememangnya berpandukan afidavit semata-mata. Sebaliknya dalam konteks kes perayu, ia melibatkan 'saman' dan pemeriksaan saksi-saksi bagi menentukan kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta itu dilakukan oleh perayu. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf apabila menyamakan permohonan s 47(6) Akta itu sebagaimana kes sivil yang dirujuk dalam alasan penghakimannya.

[46] Tuan HMS itu dalam penghakimannya nampaknya bergantung kepada afidavit sokongan apabila dalam alasan penghakimannya terserlah mindanya seolah-olah peruntukan s 47(6) Akta itu telah dipatuhi dengan sempurna walaupun 'saman' tidak dikeluarkan terlebih dahulu. Beliau di perenggan 6 menyatakan:

> 6. Afidavit berfungsi menyatakan apa-apa pernyataan fakta dan bukan perkara undang-undang. Tanpa affidavit jawapan, penuntut dianggap mengakui segala pernyataan fakta dalam affidavit sokongan Pendakwaraya ...

(RR) (Jld 1(c)) (ms 518).

[47] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu telah mengabaikan keperluan 'saman' yang mandatori apabila meneruskan inkuiri di bawah s 47(6) Akta itu. Perayu tidak berpeluang menyoal balas saksi-saksi TPR bagi membuktikan kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta itu dibuktikan sebelum perintah lucuthakan 21 kontena dikeluarkan terhadap perayu.

[48] Mahkamah ini tidak berhasrat untuk menyentuh isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam perayu yang terpelajar. Mahkamah ini membiarkan isu-isu ini diputuskan dalam forum yang lainnya.

KESIMPULAN

[49] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini membenarkan rayuan perayu setakat mengakaskan perintah lucuthak yang dikeluarkan oleh Tuan HMS bertarikh 12 Januari 2021.

[50] Mahkamah ini mengarahkan inkuiri dibicarakan semula dihadapan Tuan HMS yang lainnya. Mahkamah sesyen diarahkan mengeluarkan 'saman' bagi maksud peruntukan s 47(6) Akta itu sebelum inkuiri diteruskan. Perayu diberi peluang untuk menyoal balas saksi-saksi yang akan dipanggil oleh TPR bagi membuktikan kesalahan di bawah s 5(1)(c) Akta itu.

Rayuan dibenarkan setakat mengakaskan perintah lucuthak.

Dilaporkan oleh Rafinie Ramli